

17 APR 1997

Mahathir - Korban

DR MAHATHIR SERAH LEMBU KORBAN

ALOR SETAR, 17 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang tiba di sini hari ini bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk menyambut Hari Raya Aidil Adha di Kedah, menyerahkan lembu korban kepada dua buah masjid dan Ibu Pejabat Polis Daerah Kubang Pasu petang ini.

Sejurus selepas ketibaan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim di Kepala Batas, Dr Mahathir terus ke Masjid Pekan Changlun untuk menyerahkan seekor lembu sebelum ke Jitra bagi menyerahkan seekor lagi kepada anggota polis dalam daerah itu.

Beliau dan Dr Siti Hasmah kemudian pulang ke kediaman mereka, Pondok Maharizan, di Titi Gajah di sini dan menyerahkan seekor lembu kepada Masjid Titi Gajah.

Esok Perdana Menteri akan menunaikan solat sunat Aidil Adha di Masjid Zahir dan menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit sebelum menerima kunjungan tetamu di rumah terbukanya di Dewan Jitra dari 10.30 pagi hingga 4 petang kecuali antara 1 tengah hari dan 3 petang bagi menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Aqla, Jitra.

Pada Sabtu pula, Dr Mahathir akan meninjau Kompleks Jihad Basmi Kemiskinan di Paya Pahlawan di Jitra. Ia merupakan pusat penyembelihan lembu dan pengedaran daging korban yang kedua terbesar di dunia selepas Jeddah.

Sebanyak 1,000 ekor lembu akan disembelih di kompleks itu mulai esok dan dagingnya akan disimpan dalam bilik sejuk sebelum diedar kepada penduduk miskin di seluruh negeri menerusi 526 masjid selepas solat Subuh setiap Jumaat.

Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri majlis taklimat pembangunan negeri, khususnya mengenai projek tebus guna pantai, di Wisma Darul Aman di sini yang diikuti dengan lawatan ke tapak penempatan semula nelayan di Kuala Kedah.

Dr Mahathir dijadual pulang ke Kuala Lumpur pada 5.30 petang hari itu.

-- BERNAMA

MZM MFJ